

TERMA DAN SYARAT “ CIMB New-To- Invest Digital Acquisition Campaign ”

1. **Kempen “CIMB New-To-Invest Digital Acquisition” (“Kempen”)** dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic di sini secara kolektif dirujuk sebagai (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung bermula pada 3 September 2026 dan berakhir pada 30 November 2026 (“**Tempoh Kempen**”)

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada **Pelanggan CIMB terpilih**, termasuk tetapi tidak terhad kepada **Pelanggan CIMB@Work terpilih**, yang telah menerima jemputan CIMB untuk menyertai Kempen ini melalui WhatsApp Message (“WA”) dan/atau Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dan/atau Mel Elektronik Langsung (“EDM”) dan/atau panggilan telefon dalam Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak**”).
4. Untuk mengelakkan keraguan, orang/entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini: -
 - a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketuanpunyaan tunggal, perkongsian, organisasi/persatuan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, pertubuhan dan koperasi; dan/atau
 - b) Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - c) Orang Amerika Syarikat seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin):
 - i) Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, termasuk mana-mana orang dengan domisil Amerika Syarikat; atau
 - ii) Mana-mana orang dengan alamat surat-menyurat akaun Amerika Syarikat; atau
 - iii) Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - iv) Mana-mana orang yang memenuhi “*substantial presence test*”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31 hari) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
 - v) Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang Amerika Syarikat untuk tujuan Cukai Amerika Syarikat; dan/atau

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa beliau tidak tergolong dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

5. Berhubung dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen ini (“**Pemegang Akaun Utama**”). Bagi mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak layak menyertai Kempen ini.

Mekanisme Kempen

6. Kempen ini merangkumi Dana Unit Amanah Konvensional dan dana Unit Amanah Patuh Syariah yang terpilih, yang selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai (“**Dana Unit Amanah Penyertaan**”)(seperti ditakrifkan dalam Fasal 15).
7. Pelanggan yang layak boleh menyertai Kempen ini melalui **laman web CIMB Clicks/ Aplikasi CIMB OCTO Sahaja**.

8. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Pelanggan layak akan berhak menerima **Unit Signature Dynamic Income Focus-i Fund ("SDIFi") ("Unit Bonus")** sekiranya mereka melabur dalam Produk Unit Amanah yang menyertai sepanjang Tempoh Kempen, seperti yang ditetapkan dalam Jadual A di bawah.

Jadual A

Kategori	Jumlah terkumpul pelaburan jualan	Kadar Unit Bonus
1	RM1,000 hingga RM9,999.99	Unit SDIFi bernilai RM10 bagi setiap RM1,000 pelaburan
2	RM10,000 hingga RM50,000 maksimum	Unit SDIFi bernilai RM15 bagi setiap RM1,000 pelaburan

Nota:

Hanya pelaburan dalam Dana Unit Amanah Penyertaan yang mempunyai caj jualan minimum 2.0% akan layak dan diambil kira untuk pengiraan kelayakan Unit Bonus di bawah kempen ini.

9. Semua pelaburan yang layak yang dibuat oleh Pelanggan Layak di bawah Unit Amanah Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen akan digabungkan secara kumulatif pada peringkat pelanggan, merangkumi semua Akaun Unit Amanah yang dipegang oleh Pelanggan Layak, dan tertakluk kepada rekod CIMB.
10. Unit Bonus akan dikira berdasarkan jumlah pelaburan layak terkumpul Pelanggan Layak merentasi semua Akaun Unit Amanah yang dipegang oleh Pelanggan Layak dan bukan berdasarkan setiap Akaun Unit Amanah secara individu.
11. Untuk melayakkan diri, pelanggan layak hendaklah mengekalkan pelaburan mereka sehingga tamat Tempoh Kempen dan tidak menjual pelaburan tersebut sepanjang Tempoh Kempen.
12. Bagi **Pelanggan CIMB@Work terpilih**, Pelanggan Layak hendaklah mengekalkan status CIMB@Work mereka sehingga pengkreditan Unit Bonus seperti yang dinyatakan dalam seksyen Proses Pengkreditan Unit Bonus di sini, jika gagal berbuat demikian CIMB berhak untuk melucutkan kelayakan Pelanggan Layak daripada menerima Unit Bonus.
13. Butiran mengenai Dana Unit Amanah Penyertaan
 - a) Dana Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada senarai Dana Unit Amanah Konvensional / patuh Syariah yang terpilih (kecuali Dana tertutup dan Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad adalah tidak layak) dengan caj jualan sebanyak 2.0% dan ke atas seperti yang termaktub dalam memorandum / prospektus maklumat dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa, termasuk semua Dana Unit Amanah Konvensional / patuh Syariah dilancarkan atau disediakan oleh CIMB sepanjang Tempoh Kempen, dengan syarat Dana tersebut memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
 - b) Pelanggan Layak yang melabur dalam mana-mana Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – Skim Pelaburan Ahli (KWSP-MIS) adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
 - c) Caj jualan yang dikenakan untuk Dana Unit Amanah Penyertaan hendaklah dibayar oleh Pelanggan Layak. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada prospektus yang berkaitan untuk setiap dana unit amanah khusus untuk mendapatkan maklumat mengenai caj jualan yang berkenaan.
 - d) Caj jualan diskaun di bawah kempen ini adalah tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika berkenaan). Jumlah SST yang berkenaan akan dimasukkan ke dalam caj jualan diskaun dan akan dipaparkan sewajarnya dalam pengesahan transaksi pelanggan.

- e) Kempen ini tidak sah bersama dengan sebarang tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan pelaburan dalam Dana Unit Amanah Penyertaan.
- f) Sekiranya Pelanggan Layak menggunakan hak tempoh bertenang beliau atau pelaburan ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab dalam Tempoh Kempen, Pelanggan Layak tidak akan layak memperoleh Unit Bonus di bawah Kempen ini. *“Cooling-off”* ialah tempoh enam (6) hari perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan Dana Unit Amanah Penyertaan Pelanggan Layak oleh CIMB.
- g) Pelanggan Layak dikehendaki melaksanakan, mengakui dan bersetuju dengan semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam Dana Unit Amanah Penyertaan, yang berasingan daripada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
- h) Dana Unit Amanah Penyertaan adalah diatur atau diedarkan oleh CIMB, dan akan diserahkan kepada, atau dikuatkuasakan oleh syarikat pengurusan unit amanah terpilih yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (*“CMSA 2007”*).
- i) Dana Unit Amanah Penyertaan tidak dilindungi oleh PIDM dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan bagi tujuan membeli Dana Unit Amanah Penyertaan tidak lagi dilindungi oleh PIDM.
- j) Terma dan syarat berikut hendaklah juga terpakai untuk Dana Unit Amanah Penyertaan: -
 - i. Pelaburan yang dibuat dalam Dana Unit Amanah Penyertaan tidak merupakan obligasi, dijamin atau dilindungi oleh CIMB, dan adalah tertakluk pada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan; dan
 - ii. Pelanggan Layak dinasihati agar melakukan perkara berikut sebelum melabur dalam Dana Unit Amanah Penyertaan:
 - a. membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat Dana Unit Amanah Penyertaan, termasuk prospektus dana; dan
 - b. mempertimbangkan semua fi dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
 - c. menilai merit dan risiko sebarang pelaburan berdasarkan penilaian oleh Pelanggan Layak sendiri.

Ganjaran Kempen

- 14. Setiap Pelanggan Layak berhak menerima Unit Bonus berdasarkan kategori pelaburan yang dicapai sepanjang Tempoh Kempen, seperti yang dinyatakan dalam Jadual A. Jumlah Unit Bonus akan dikira berdasarkan jumlah pelaburan yang layak dan kadar Unit Bonus yang berkenaan bagi kategori tersebut.
- 15. Suatu ilustrasi disediakan seperti di bawah:

Contoh 1:

Jumlah terkumpul pelaburan jualan	Pengiraan	Ganjaran
RM5,000	$RM5,000 \div RM1,000 \times RM10$	Unit SDIFi bernilai RM50

Pada akhir Tempoh Kempen, pelanggan di atas layak menerima unit SDIFi bernilai RM50.

Contoh 2:

Jumlah terkumpul pelaburan jualan	Pengiraan	Ganjaran
RM10,000	$RM10,000 \div RM1,000 \times RM15$	Unit SDIFi bernilai RM150

Pada akhir Tempoh Kempen, pelanggan di atas layak menerima unit SDIFi bernilai RM150.

16. Jumlah pelaburan terkumpul yang layak bagi setiap Pelanggan Layak di bawah Kempen ini telah **dihadkan sehingga RM50,000** atau **unit SDIFi bernilai RM750**. Setelah jumlah pelaburan layak yang melebihi RM50,000, tidak akan diambil kira dalam pengiraan Unit Bonus.
17. Unit Bonus akan dikira berdasarkan jumlah terkumpul pelaburan terkumpul yang **dibundarkan ke bawah ke ribuan terdekat**. Sebagai contoh:-
 - a) Pelanggan A melabur sejumlah RM1,200 dalam Dana Unit Amanah Yang Menyertai sepanjang tempoh kempen. Pelanggan A akan menerima unit SDIFi bernilai RM10. ($RM1,000 \div RM1,000 \times RM10 = RM10$)
 - b) Pelanggan B melabur sejumlah RM10,900 dalam Dana Unit Amanah Yang Menyertai sepanjang tempoh kempen. Pelanggan B akan menerima unit SDIFi bernilai RM150 ($RM10,000 \div RM1,000 \times RM15 = RM150$)

Proses Pengkreditan Unit Bonus

18. Unit Bonus akan dikreditkan ke dalam Akaun Unit Amanah Pelanggan Layak yang membuat transaksi, berdasarkan rekod CIMB, dalam tempoh sepuluh hingga dua belas minggu (10 hingga 12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen.
19. Sekiranya Pelanggan Layak melabur melalui lebih daripada satu Akaun Unit Amanah, semua Unit Bonus yang layak akan dikreditkan ke dalam Akaun Unit Amanah terakhir yang melakukan transaksi, berdasarkan rekod CIMB.
20. SDIFi diklasifikasikan sebagai dana konservatif. CIMB tidak membuat sebarang representasi mengenai kesesuaian Dana ini untuk Pelanggan Layak. Pelanggan Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk menilai profil risiko masing-masing. Jika berkenaan, Pelanggan Layak hendaklah menanggung semua risiko yang berkaitan dengan penerimaan dan pegangan Dana tersebut, termasuk apabila Pelanggan Layak dinilai mempunyai profil risiko defensif atau konservatif.
21. Nilai akhir SDIFi mungkin berubah akibat turun naik pasaran.
22. Unit Bonus tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada wang tunai, kredit atau apa-apa bentuk ganjaran lain.
23. Pelanggan Layak bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara berikut akibat daripada penerimaan Unit Bonus:
 - a) Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - b) Mendapatkan nasihat bebas mengenai kemungkinan implikasi terhadap kedudukan kewangan masing-masing.

Terma dan Syarat Am

24. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:

- a) dikehendaki supaya membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang melibatkan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) bersetuju dengan pemprosesan dan penzahiran oleh CIMB berkenaan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Pelanggan Layak dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
 - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - ii. kegagalan elektrik;
 - iii. pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - iv. apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
 - v. apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB
25. Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Unit Bonus akan dilucutkan sekiranya, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Unit Bonus.
- a) Pelanggan Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat mengawal Produk Unit yang Mengambil Bahagian;
 - b) Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa lampiran, perintah bertentangan ('adverse order') yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberikuasa oleh undang-undang; atau
 - c) Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
26. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucuthakkan mana-mana Pelanggan yang Layak yang ianya tentukan:
- a) mengganggu proses permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
27. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. melalui mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana penggantian dan/atau mana-mana pembatalan, penggantungkan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
28. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berbangkit dari:
- a) penyertaan atau ketidak-penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau Mel Elektronik Langsung ("EDM") oleh Pelanggan yang Layak.

- c) melainkan jika kerugian atau kerosakan sedemikian berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
- 29.
- a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. iklan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - iv. melalui mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
- c) Jika perubahan itu dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan"), maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang dan Peraturan, dan CIMB akan memberitahu/memberikan notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini dengan seberapa segera yang mungkin.
- d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada waktu selang yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
30. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan tersebut.
31. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa CIMB tetap ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Penerimaan atau penebusan Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian oleh Pelanggan Layak; dan/atau
 - c) kemungkiran atau kegagalan Pelanggan Layak untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
32. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen ini, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
33. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan berkaitan lain yang padanya CIMB adalah tertakluk.
34. Jika CIMB tidak menggunakan sesuatu hak yang dipunyainya dalam Terma dan Syarat ini, perkara ini tidak menghalang CIMB daripada menggunakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dimiliki oleh CIMB pada masa hadapan.
35. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan kepada laman web lain ("Pautan Pihak Ketiga"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau mengkaji semula kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, maka Pelanggan Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri, dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.

36.

- a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (CRU) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini menerusi surat, panggilan telefon dan e-mel:
Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No Telefon: 603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com
- b) CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

37. CIMB tidak bertanggungjawab atas kelewatan, kehilangan, ketidaksempurnaan, penyerahan salah, penangguhan, kesukaran untuk dibaca, kerosakan atau penyalaharahan permohonan Produk Layak atau urusan surat-menyurat yang berkaitan, sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemotongan, kecurian, kemusnahan atau selainnya, melainkan perkara tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuai atau keingkaran sengaja CIMB.

38. Jika produk/perkhidmatan berkaitan dengan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Pelanggan Layak adalah ditawarkan oleh CIMB, sebarang pertanyaan Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB.

39. Terma dan syarat berikut hendaklah terpakai untuk Dana Unit Amanah Penyertaan;

- a) Prestasi masa lalu Dana Unit Amanah Penyertaan tidak menjadi petunjuk prestasi masa depan, dan pengagihan pendapatan tidak terjamin.
- b) Pelanggan Layak yang berasa ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil seharusnya berunding dengan penasihat profesional mereka dengan segera.
- c) Pelanggan Layak dikehendaki supaya mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam Dana Unit Amanah Penyertaan.
- d) Dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA):
 - i. **tidak** melindungi Pelanggan Layak; dan
 - ii. **tidak** terpakai untuk Pelanggan Layak yang telah mengalami kerugian kewangan akibat daripada pelesenan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara penipuan, oleh seorang pengarah, pegawai, pekerja atau wakil CIMB.
- e) Pelanggan Layak boleh membuat aduan kepada Unit Resolusi Pelanggan (CRU) CIMB seperti yang dinyatakan dalam Fasal 36 Terma dan Syarat ini jika Pelanggan Layak mengalami kerugian kewangan dalam hal keadaan di atas berkaitan dengan perbuatan pekerja CIMB Bank.
- f) Pelanggan Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU CIMB boleh:
 - i. merujuk kes kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("**FMOS**") dalam tempoh 6 bulan selepas menerima keputusan muktamad daripada CIMB. Sekiranya pelanggan tidak menerima sebarang maklum balas daripada CIMB dalam tempoh 60 hari dari tarikh aduan dikemukakan kepada CIMB, pelanggan boleh mengemukakan pertikaian terus kepada FMOS; atau mengemukakan aduan kepada Pejabat Pengguna dan Pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia walaupun Pelanggan Layak telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS.